

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1986/87

SAU402 - Perindustrian Dunia Ketiga

Tarikh: 16 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi  
( 2 Jam )

---

Jawab SEMUA soalan di Bahagian A, B dan C.

Bahagian A (10 markah) (Jawab semua soalan dalam kertas jawapan yang dilampirkan)

1. Urbanisasi perindustrian tergantung kepada
  - A. Sistem pembahagian kerja (division of labour)
  - ~~B.~~ Teknologi
  - C. Corak-corak konsumerisme (consumerism)
  - D. A dan B sahaja
  - E. Semua di atas adalah benar
  
2. Menurut Levy, dalam negara-negara moden, barang-barang (goods) dan perkhidmatan-perkhidmatan (services) beralih dari bandar ke desa
  - A. Benar
  - ~~B.~~ Salah
  
3. Heterogeniety (berbagai jenis) kebudayaan dan politik di negara-negara Jepun dan Jerman telah menjadi kuasa positif untuk pengindustrian negara-negara itu masing-masing.
  - A. Benar
  - B. Salah

4. Dengan wujudnya "Domestic Putting Out System"; pedagang-pedagang (merchants) dapat kawal dan menentukan harga, mutu dan quantiti barang-barang pengeluaran yang dihasil.
- ~~A.~~ Benar  
B. Salah
5. Sistem Guilda (Guild System) runtuh kerana sistem pengeluaran dan pemasaran barang-barang pembuatan telah diperluaskan ke tempat-tempat luaran dari kampong-kampong tempatan.
- A. Benar  
B. Salah
6. Menurut Lauer, beberapa aspek Analogi (Analogy) proses pengindustrian negara-negara barat boleh digunakan untuk menjelaskan dan meramalkan proses pengindustrian Negara-Negara Dunia Ketiga. Ini termasuk:-
- A. Kaedah-kaedah "capital intensive"  
B. Perkembangan ruangan (territional expansion)  
C. Stabiliti politik  
D. A dan C sahaja  
E. Semua di atas tidak benar
7. Melalui pengindustrian aspek-aspek kehidupan mengenai kerja dan rehat (Leisure) dicantumkan (combined).
- A. Benar  
B. Salah
8. Jenis dan mutu barang-barang pengeluaran masyarakat perindustrian menjadi sama (uniform) dengan wujudnya pasaran masa (mass markets).
- A. Benar  
B. Salah

(SAU 402)

9. Menurut Miller dan Form, Birokrasi menggalakkan satu pemikiran manipulatif (manipulative mentality).
- A. Benar
  - B. Salah
10. Dalam masyarakat perindustrian (matang), isteri dari kelas pekerjaan (working class) tidak terlibat dalam kerjaya suaminya.
- A. Benar
  - B. Salah

Bahagian B (45 markah)

Secara ringkas bincangkan kepentingan tiga konsep berikut untuk memahami arah dan pembangunan pengindustrian Negara-Negara Dunia Ketiga:

- a. Prasyarat-Prasyarat Pengindustrian (Preconditions of Industrialization)
- b. Teknologi Sesuai (Appropriate Technology)
- c. Pemindahan Teknologi (Technology Transfer)
- d. Kemunduran Kebudayaan ("Cultural Lag")
- e. Bureaukrasi (Bureaucracy)
- f. Pendidikan yang tidak sesuai (Miseducation) dan Kemahiran
- g. Nilai dan sikap terhadap perubahan dan pengusahawan (Entrepreneurship)
- h. Peranan Syarikat-Syarikat Antarabangsa (Multinational Corporations - M.N.C.S)
- i. Sektor Perkhidmatan (Services Sector)
- j. Perubahan Demographi (Demographic Transition)

(Sejauhmana yang anda boleh, berikan contoh untuk menjelaskan konsep-konsep tersebut).

Bahagian C (45 markah)

Bahagian C. Soalan ini adalah wajib.

1. Selepas menghadiri kursus SAU402, anda telah diberi jawatan sebagai Pembantu Penyelidik di sebuah syarikat Antarabangsa. Satu di antara tugas anda ialah untuk memberi laporan yang lengkap mengenai latarbelakang dan keadaan-keadaan dalam negara-negara Dunia Ketiga tertentu yang mempunyai potensi untuk perindustrian dan pelabuhan asing.
  - a. Berasaskan pengetahuan yang anda telah memperolehi dalam kursus SAU402, pilih sebuah negara Dunia Ketiga dan tulis satu laporan mengenainya sebagai memenuhi tugas jawatan tersebut. (Dalam laporan tersebut, tumpukan pendekatan dan dasar-dasar perindustrian, kadar dan tahap perindustrian yang dicapai, dan masa hadapan untuk pengindustrian negara terpilih anda).
  - b. Menurut Merton: "a social problem exists when there is a sizable discrepancy between what is and what people think ought to be." Berasaskan definisi Merton, huraikan satu masalah sosial yang berhubung dengan pengindustrian negara terpilih anda. (Tumpukan skop dan skel masalah tersebut dan kesan-kesannya atas pembangunan perindustrian negara terpilih anda).
  - c. Secara ringkas bandingkan pendekatan dan tahap pengindustrian negara terpilih anda dengan pendekatan dan tahap pengindustrian Malaysia.

-ooo00ooo-

(SAU 402)  
Angka Giliran: \_\_\_\_\_

Kertas Jawapan Untuk  
Bahagian A

	A	B	C	D	E
1.	( )	( )	( )	( )	( )
2.	( )	( )	( )	( )	( )
3.	( )	( )	( )	( )	( )
4.	( )	( )	( )	( )	( )
5.	( )	( )	( )	( )	( )
6.	( )	( )	( )	( )	( )
7.	( )	( )	( )	( )	( )
8.	( )	( )	( )	( )	( )
9.	( )	( )	( )	( )	( )
10.	( )	( )	( )	( )	( )

416